

1. Umairah tidak dapat _____ kata-kata yang _____ oleh pelancong itu kerana _____ conong itu berbahasa Jepun.

- ☐ A kefahaman ... bertutur
- ☐ B fahaman ... pertuturan
- ☐ C memahami ... dituturkan
- ☐ D memahamkan ... menuturkan

2. Sofian _____ bahu seorang wanita tua ketika berasak-asak untuk membeli tiket pulang ke kampung.

- ☐ A dilanggar
- ☐ B terlanggar
- ☐ C melanggar
- ☐ D perlanggaran

3. Banyak penumpang yang _____ dalam nahas udara itu.

- ☐ A terkorban
- ☐ B berkorban
- ☐ C dikorbankan
- ☐ D mengorbankan

4. Baju itu perlu direndam semalaman supaya kesan _____ pada baju itu dapat dibersihkan.

- ☐ A mengotorkan
- ☐ B pengotoran
- ☐ C pengotor
- ☐ D kotoran

5. Ibu memang _____ adik kerana apa-apa sahaja yang adik mahu akan diturutinya.

- ☐ A bermanja
- ☐ B kemanjaan
- ☐ C dimanjakan
- ☐ D memanjakan

6. Ramalan tentang ribut taufan yang akan melanda kawasan pantai itu mengakibatkan para penduduk _____ ke kawasan yang selamat.

- ☐ A memindahkan
- ☐ B perpindahan
- ☐ C pemindahan
- ☐ D dipindahkan

7. Air mata Puan Mary _____ pipinya setelah mendengar berita tentang kematian saudaranya.

- ☐ A dibasahi
- ☐ B kebasahan
- ☐ C membasahi
- ☐ D membasahkan

8. Michael _____ sebagai penolong pengurus di sebuah syarikat telekomunikasi di Lumpur.



- ☐ A mengerjakan
- ☐ B dikerjakan
- ☐ C pekerja
- ☐ D bekerja

9. _____ keselamatan itu meminta kami menulis nama di dalam buku pelawat sebelum memasuki muzium.

- ☐ A Mengawal
- ☐ B Pengawal
- ☐ C Berkawal
- ☐ D Kawalan

10. Murid sekolah itu telah dikejarkan ke hospital _____ kerana mengalami keracunan makanan.

- ☐ A mendekati
- ☐ B berdekatan
- ☐ C pendekatan
- ☐ D mendekatkan

11. _____ kertas dinding yang bertaburan menyebabkan bilik itu kelihatan kotor.

- ☐ A Keruping
- ☐ B Kelupas
- ☐ C Serabut
- ☐ D Selaput

12. Maziah hanya tersenyum apabila menerima _____ yang tidak berasas itu.

- ☐ A petuduh
- ☐ B tuduhan
- ☐ C tertuduh
- ☐ D menuduh

13. Para siswazah perlu _____ diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menceburi bidang pekerjaan.

- ☐ A berlengkap
- ☐ B melengkapi
- ☐ C kelengkapan
- ☐ D melengkapi

14. Kecerdikan Sang Kancil telah berjaya _____ Sang Kerbau daripada dibaham oleh Sang Buaya yang tidak mengenang budi.

- ☐ A keselamatan
- ☐ B diselamatkan
- ☐ C penyelamatan
- ☐ D menyelamatkan

15. Impian Fairuz untuk menjadi usahawan _____ di daerahnya pasti akan tercapai _____ hari nanti.

- ☐ A memperkaya
- ☐ B pengayaan
- ☐ C kekayaan
- ☐ D terkaya

16. Puan Heliza bercadang untuk _____ landskap di halaman rumahnya dengan membina air terjun mini.

- ☐ A keindahan
- ☐ B diindahkan
- ☐ C pengindahan
- ☐ D memperindah

17. Para pemimpin negara digesa supaya menggunakan kereta _____ tempatan sebagai kenderaan rasmi untuk ke majlis-majlis anjuran kerajaan.

- ☐ A buatan
- ☐ B terbuat
- ☐ C pembuat
- ☐ D membuat

18. Pemuda itu akhirnya tunduk oleh rayuan ibunya dan _____ diri kepada pihak polis.

- ☐ A berserah
- ☐ B menyerah
- ☐ C diserahkan
- ☐ D menyerahkan

19. Padang ragut milik Haji Yatim yang tidak _____ itu dimasuki beberapa ekor lembu liar yang meragut rumput di situ.

- ☐ A berpagarkan
- ☐ B memagari
- ☐ C memagar
- ☐ D berpagar

20. Pelbagai _____ telah dibuat berkaitan dengan calon yang layak _____ tempat Yang Berhormat itu pada pilihan raya akan datang.

- ☐ A berandaian ... berganti
- ☐ B diandaikan ... digantikan
- ☐ C andaian ... menggantikan
- ☐ D mengandaikan ... penggantian